

RM452 juta bantu usahawan terjejas

Peruntukan daripada MEDAC itu dijangka beri manfaat kepada 21,847 usahawan tempatan

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) memperuntukkan RM452 juta bagi membantu 21,847 usahawan mikro, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), usahawan sosial, pemula niaga dan koperasi terjejas akibat coronavirus (Covid-19).

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, peruntukan itu membolehkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Mei lalu.

Menurutnya, pelan pemulihan itu menggariskan enam strategi utama bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan.

"Ia mengandungi 30 program yang akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu jangka masa pendek ber-



Peruntukan itu dijangka mampu membantu usahawan mikro, PKS, pemula niaga, usahawan sosial dan koperasi yang terjejas akibat Covid-19.

mula Mei hingga Disember 2020 dan jangka masa sederhana bermula Januari 2021 hingga Mei 2021," katanya dalam satu kenyataan kelmari.

Wan Junaidi berkata, fasa pertama bermula pada Mei hingga Disember 2020 melibatkan RM230 juta peruntukan diperlukan.

"Sebanyak RM175.79 juta daripada peruntukan ini digunakan untuk melaksanakan enam program baharu dan 10 program sedia ada.

"Selebihnya sebanyak RM54.31 juta peruntukan tambahan diperlukan bagi melaksanakan 14 buah program baharu," katanya.

Bagi fasa kedua pula, beliau berkata, ia dijangka bermula dari Januari hingga Mei 2021 melibatkan sebanyak RM222.69 juta per-

untukan diperlukan merangkumi 19 program baharu dan 11 program sedia ada.

Katanya, permohonan peruntukan itu telah dikemukakan oleh MEDAC dan agensi-agensinya di bawahnya kepada Unit Perancang Ekonomi melalui permohonan peruntukan di bawah tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Inisiatif yang sedang dan bakal dilaksanakan ini sejajar dengan dasar kerajaan bagi memastikan rakyat khususnya golongan usahawan sentiasa mendapat sokongan daripada MEDAC.

"Tujuannya agar urusan perniagaan mereka dapat beroperasi seperti biasa ketika penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan di seluruh negara," katanya.